

Pelihara keamanan, ketepi sengketa - Tengku Mahkota Pahang

KUANTAN 13 Julai - Umat Islam di negara ini amat bertuah kerana dapat melaksanakan ibadah puasa dalam keadaan aman berbanding saudara seagama di sesetengah negara terutama Palestin yang terpaksa menempuh pelbagai ujian.

Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitah, justeru, rakyat seharusnya bersyukur dengan nikmat keamanan itu dan menjaganya dengan baik supaya tidak diganggu gugat mana-mana pihak.

"Betapa bertuahnya kita kerana dapat bersama-sama menikmati juaedah puasa dengan aman, namun sayangnya saudara-saudara kita di Iraq, Syria dan Palestin sedang menempuh pelbagai kesukaran di bulan Ramadan ini.

"Perkara itu perlu dijadikan renungan kita bersama supaya menjaga keamanan yang telah dikecapi negara sejak dulu." Titah baginda pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Warga Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini baru-baru ini.

Yang hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Tengku Abdullah bertitah, semua pihak perlu mengeratkan silaturahim dengan semangat ukhuwah Islam bagi mengelakkan berlaku perkara tidak diingini.

"Ramadan adalah untuk kita bermuhasabah diri kita. Hormatilah Ramadan dengan mendalam dan ketepikan persengketaan antara kita," titah baginda.

Dalam pada itu, Tengku Abdullah yang juga Canselor UMP melahirkan rasa bangga dengan pencapaian universiti tersebut selama ini.

"Saya amat berbangga dengan apa yang telah dikecapi UMP selama ini dan saya harapkan perkara ini dapat dikekalkan untuk membawa universiti ini ke arah kagemilangan," titah baginda di hadapan kira-kira 1,000 warga UMP.

Dalam majlis itu, Tengku Abdullah berkenan menyampaikan sumbangan zakat kepada 100 pelajar UMP yang terdiri daripada anak yatim dan golongan memerlukan.



TENGGU Abdullah Sultan Ahmad Shah berkenan mencedok juaedah kepada kakitangan dan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam Majlis Berbuka Puasa Bersama Warga UMP di Kuantan, Pahang, baru-baru ini. Turut mengiringi baginda, Adnan Yaakob (kanan). - UTUSAN/MAHAT HIR AJI